

KENYATAAN TENDER

NAMA & NOMBOR TENDER	TARIKH IKLAN	HARGA INDIKATIF	HARGAN DOKUMEN	KELAYAKAN
<u>T/UniMAP/FKTE/26/10</u> MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI, MENGKONFIGURASI DAN MENTAULIAH PERALATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI FAKULTI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI ELEKTRIK (FKTE), UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP).	03 JULAI 2026 HINGGA 24 JULAI 2026	*RM723,600.00	RM200.00 senaskah	• KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 140201 atau 140202 atau 140203 atau 140501 atau 140502 atau 140503 • SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) YANG BERSTATUS “PATUH”

Dokumen tender dijual pada harga RM200.00 senaskah.

* Harga Indikatif ini merupakan anggaran sahaja dan tidak mengikat UniMAP atau syarikat. UniMAP tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif.

NOTA:

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan bekalan tersebut di atas.
2. Kontraktor-kontraktor mestilah **mengemukakan Sijil Pendaftaran** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi mendapatkan dokumen tender. Dokumen tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran.
3. Pihak UniMAP berhak mengadakan rundingan dengan kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang menyertai pelawaan ini sekiranya perlu.

4. Dokumen Meja Tawaran boleh disemak dan Dokumen Tender/Sebut harga boleh didapati di Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis.
5. Pembayaran HANYA melalui kaedah JomPAY daripada mana-mana bank.
6. Sila pastikan **MAKLUMAT PEMBAYARAN** yang dimasukkan adalah **TEPAT** dan semua syarat kelayakan dipatuhi sebelum bayaran JomPAY dibuat.
7. Maklumat yang perlu dimasukkan bagi pembayaran secara JomPAY adalah seperti berikut:-

Biller Code	: 99994
Biller Code Name	: UNIMAP-TERIMAAN
Reference 1	: Nama Syarikat
Reference 2	: Kod Tender/Sebut Harga

8. **Sila bawa bersama slip bayaran JomPAY** anda semasa mengambil dokumen tender/sebut harga di Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, UniMAP.
9. **Operasi kaunter** untuk penjualan dokumen tender/sebut harga adalah seperti berikut: -

Hari : **Isnin Hingga jumaat**
Masa : **09.00 pagi hingga 04.00 petang**
10. Dokumen tender/sebut harga hendaklah dikembalikan di dalam sampul surat berlakri dan bertanda **Nombor** serta **Nama Tender** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tersebut di **Aras Bawah, Bangunan Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, Kampus Alam UniMAP, Universiti Malaysia Perlis, Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis (Jabatan Bendahari)** sebelum atau pada **24 Julai 2026 sebelum jam 12.00 tengahari**.
11. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dokumen tender/sebutharga boleh hubungi Kaunter Jabatan Bendahari (04-9414021) atau Unit Perolehan di talian 04-941 4041.
12. Tawaran yang lewat diterima **TIDAK AKAN** dipertimbangkan.
13. Pihak UniMAP mewajibkan semua kontraktor/pembekal bagi tujuan pengurusan dokumen perolehan perlu lengkap vaksinasi dan cukup tempoh matang untuk masuk ke kampus.